



## SIARAN MEDIA

### RTM PERLIS PERKENAL DUA PROGRAM BAHARU

**KANGAR, 27 April 2024** - Menteri Komunikasi, YB Fahmi Fadzil hari ini melancarkan Kemuncak Canggung Hibrid dan Vibe Baharu PERLISfm di Kompleks Penyiaran Tuanku Syed Putra.

Bagi tahun 2024, Program Seni Warisan bermula di Perlis menerusi pelancaran Kemuncak Canggung Hibrid yang mengetengahkan gabungan tarian canggung, iaitu kesenian rakyat yang cukup sinonim dengan negeri ini, bersama variasi elemen kesenian lain secara kreatif dalam satu pentas pertandingan.

Program yang berkonseptkan pertandingan tarian tradisional dan kontemporari bakal menyaksikan empat kumpulan berentap merebut gelaran juara.

Kemuncak Canggung Hibrid akan diadakan pada 4 Mei 2024 (Sabtu) di Auditorium Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Perlis yang disiarkan secara langsung menerusi saluran TV2, pukul 9.00 malam selain di platform digital RTM. Penonton bakal dihiburkan dengan persembahan artis jemputan iaitu Wany Hasrita, Tomok dan Juara Bintang Klasik 2023, Hisyam Rahim.

Manakala Vibe Baharu PERLISfm pula merupakan suntikan pembaharuan kepada jenama dan kandungan program PERLISfm. Jom Mai Dengaq, iaitu lagu baharu stesen turut dilancarkan, bertujuan untuk mengukuhkan jenama PERLISfm, sekali gus menarik lebih ramai pendengar baharu.

Inisiatif yang dilakukan termasuk menambah baik nama dan kandungan segmen sedia ada, serta memperkenalkan pelbagai program baharu.

Vibe baharu menerusi *tagline “Serasi Denganku”* diyakini mampu menjadikan stesen radio yang mula beroperasi sejak 1 Jun 1991 dengan nama Radio 3 Kangar ini kekal relevan dan terus menjadi pilihan utama pendengar di Perlis.

Turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Komunikasi, Datuk Mohamad Fauzi bin Md Isa dan Ketua Pengarah Penyiaran, Datuk Suhaimi Sulaiman.

**Dikeluarkan oleh:**  
**Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM)**